



## **PANDUAN DALAM MELAKSANAKAN TAKLIMAT SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) BAGI PENGANJURAN YANG MEMERLUKAN KEHADIRAN FIZIKAL KAKITANGAN SOKONGAN PENYIARAN**

Bagi pelaksanaan siaran langsung yang memerlukan kehadiran fizikal kakitangan sokongan penyiaran dan Penceramah di UTM semasa dalam tempoh wabak/bencana, Penganjur dan Ketua Jabatan berkaitan hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi bagi menjamin keselamatan kakitangan dan Penceramah. Ini termasuklah:-

1. Memastikan kakitangan terlibat mempunyai kebenaran/kelulusan bertugas daripada Ketua Jabatan mengikut prosedur semasa yang telah ditetapkan oleh Universiti.
2. Memastikan jumlah kakitangan yang terlibat adalah terhad mengikut keperluan sahaja.
3. Membuat saringan (senarai semak) berkenaan pengesahan status kesihatan terhadap kakitangan terlibat. Kakitangan yang didapati berisiko tidak dibenarkan bertugas dan perlu diarah pulang.
4. Membuat saringan imbasan suhu terhadap kakitangan yang terlibat. Kakitangan yang didapati mempunyai suhu 37.5 darjah celcius dan ke atas tidak dibenarkan bertugas dan perlu diarah pulang/merujuk kepada Pusat Kesihatan Universiti/Pusat Kesihatan terdekat.
5. Memastikan setiap kakitangan yang melepassi saringan kesihatan dan imbasan suhu memakai penutup muka (*face mask*) bersesuaian sepanjang tempoh bertugas.
6. Menyediakan cecair pembasmi disinfektan (kepekatan alkohol 70% ke atas) di lokasi strategik ruang bertugas.
7. Memastikan semua kakitangan terlibat mematuhi penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu sama lain sepanjang tempoh bertugas.
8. Penganjur perlulah melakukan kerja-kerja pembasmian kuman termasuk membersihkan permukaan/peralatan yang kerap disentuh di lokasi penyiaran (sekiranya perlu).

Disediakan Oleh:

**Pejabat Hal Ehwal Korporat  
Jabatan Canseleri  
Universiti Teknologi Malaysia  
16 April 2020**